



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 31 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FAMA BANTU SELESAIKAN LAMBAKAN BUAH, ONLINE-UM	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	MAQIS FOILS ATTEMPT TO SMUGGLE 720 KG OF FISH, NEWS IN BRIEF, NST-14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	RAMPAS PRODUK GUNA PERMIT TAMAT TEMPOH, LOKAL, HM-24	
4.	RAMPAS 640 KG IKAN DELAH, 80 KG TODAK, LOKAL, HM-19	
5.	MAQIS RAMPAS PRODUK KAYU, IKAN DIANGGAR LEBIH RM 200,000.00	
6.	MAQIS RAMPAS 68 TAN KAYU GERGAJI, MAHKAMAH & JENAYAH, SH-21	
7.	AGROBANK SMEs RESTRATEGIES THEIR BUSSINESS, NEWS, THE STAR-12	AGROBANK
8.	AGRICULTURE, FISHERIES SECTOR TO CONTINUE OPERATING DURING LOCKDOWN, ONLINE-NST	LAIN -LAIN
9.	BERAS SIAM ANTARA BARANGAN PALING LARIS, NEGERI P.PINANG.JOHOR.KELANTAN, SH-26	
10.	NELAYAN TERJEJAS RIBUT OMBAK DIBANTU, KOMUNITI KITA, UM-33	
11.	SHABUDIN DENGAR MASALAH, ISU BERBANGKIT NELAYAN, KOMUNITI KITA, KOSMO-26	
12.	PKP: TERENGGANU MOHON KELONGGARAN KEPADA PESAWAH, NEGERI JOHOR. TERENGGANU, SH-27	
13.	BARANGAN BASAH JADI PILIHAN UTAMA, NEGERI PERAK. KEDAH,SH-21	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31.05.2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	-

FAMA BANTU SELESAI ISU LAMBAKAN BUAH



masing," katanya.

CHE Abdullah Mat Nawi (kiri) membantu mengagihkan bekalan makanan kepada penduduk di PKPD Kepulauan Tumpat, Kelantan hari ini. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

TUMPAT: Beberapa pendekatan diambil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi menangani isu lambakan hasil pertanian seperti buah-buahan yang gagal dipasarkan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, antaranya menggerakkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) semaksimum mungkin untuk membantu petani terbabit.

"Agensi itu memainkan peranan membeli hasil pertanian yang dikeluarkan petani-petani yang terjejas sebelum memasarkannya ke seluruh negara secepat mungkin.

"Selain itu, kita turut bantu petani mencari pembeli sendiri dengan cara mengatur pertemuan mereka dengan pemain-pemain industri yang berpotensi untuk membeli hasil tanaman masing-

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau agihan makanan kepada penduduk di Kepulauan Tumpat, di sini yang sedang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) sehingga 4 Jun depan.

Terdahulu, akhbar ini pernah melaporkan keluhan petani terutama penanam tembikai yang teruk terkesan apabila hasil tanaman mereka tidak laku dijual dalam tempoh PKP yang sudah berlarutan lebih sebulan di Kelantan.

Mengulas lanjut, Che Abdullah berharap para petani memanfaatkan sebaik mungkin agensi-agensi serta jabatan kerajaan untuk menyalurkan masalah dan meminta khidmat nasihat bagi mengatasi perkara itu.

Katanya, di peringkat kementerian pula, pihaknya sentiasa 'berjalan' untuk melihat dan mencari alternatif terbaik dalam membantu rakyat yang terkesan.

Dalam perkembangan lain, Che Abdullah yang juga Ahli Parlimen Tumpat berkata, bekalan makanan sepanjang tempoh PKP 3.0 mencukupi dan rakyat tidak perlu khuatir kemungkinan berdepan masalah terputus bekalan.

Maqis foils attempt to smuggle 720kg of fish

PASIR GUDANG: The Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) thwarted an attempt to smuggle 720kg of fish from Indonesia at Pasir Gudang Port here on Saturday. Johor Maqis director Hizzuan Hasim said fishermen tried to smuggle in 640kg of ikan delah (redbelly yellowtail fusilier) and 80kg of swordfish at Pier 7 but they were caught by Maqis officers at 3.50pm. "The officers were carrying out routine inspections at the pier when they came across a boat carrying various types of fish. Inspections on the boat showed that they were carrying delah and swordfish worth RM8,520, and weighing 640kg and 80kg respectively, without import permits. We seized the consignment and arrested a man," Hizzuan said yesterday.

Rampas produk guna permit tamat tempoh

Iskandar Puteri: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas satu kontena produk kayu sudah digergaji dari Kanada kerana menggunakan permit tamat tempoh di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di sini, Jumaat lalu.

Pengarah Maqis Johor, Hizuan Hasim berkata, ia hasil pemeriksaan rutin dijangka Pegawai Penguasa Maqis di PTP jam 3.50 petang yang mendapati kontena itu membawa masuk produk kayu sudah digergaji dengan berat 68,830 kilogram (kg).

"Hasil pemeriksaan lanjut dijalankan mendapati produk kayu yang dianggarkan bernilai RM210,776.54 berkenaan dibawa masuk menggunakan permit import yang sudah tamat tempoh.

"Semua produk kayu itu itu ditahan untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengimport tanpa permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan mengikut akta berkenaan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Hizzuan berkata, jika disabitkan kesalahan boleh didenda maksimum sebanyak



MAQIS merampas produk kayu sudah digergaji dari Kanada kerana menggunakan permit tamat tempoh.

RM100,000 atau dipenjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya.

Katanya, bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya boleh didenda maksimum

RM150,000 atau dipenjara maksimum tujuh tahun atau kedua-duanya.

"Maqis menasihati supaya semua pengimport dan peneksport sentiasa menepi-

kut peraturan ditetapkan kerajaan supaya kawalan peyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan terpelihara di Malaysia," katanya

Rampas 640kg ikan delah, 80kg todak

Pasir Gudang: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas kira-kira 640 kilogram (kg) ikan delah dan 80kg todak yang dibawa masuk tanpa permit import di Pelabuhan Pasir Gudang di sini, Jumaat lalu.

Pengarah Maqis Johor Hizuan Hasim berkata, hasil pemeriksaan rutin jam 3.50 petang dijalankan Pegawai Penguasa Maqis pada sebuah tongkang di Dermaga 7 pelabuhan itu mendapati membawa pelbagai jenis ikan.

"Pemeriksaan lanjut yang dijalankan menemukan ikan delah dengan berat kira-kira 640kg dan ikan todak seberat 80kg yang dianggarkan bernilai kira-kira RM8,520 dibawa masuk



berkeinaan," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Hizzuan berkata, jika disabitkan kesalahan pihak didapati bersalah boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjarakan maksimum enam tahun atau kedua-duanya.

Katanya, bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya boleh didenda maksimum RM150,000 atau dipenjarakan maksimum tujuh tahun atau kedua-duanya.

"Maqis menasihati supaya semua pengimport dan pengeksport sentiasa mengikut peraturan ditetapkan kerajaan supaya kawalan pesakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan terpeliharanya di Malaysia," katanya.

SEBAHAGIAN daripada ikan tanpa permit import yang dirampas Maqis di Pelabuhan Pasir Gudang, semalam.

tanpa permit import.

"Kesemua konsinan itu dirahan untuk disiasat mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengimport tanpa permit, lesen atau perakuan yang dikeluarkan di bawah akta

MAQIS rampas produk kayu, ikan dianggar lebih RM200,000

Johor Bahru: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas produk kayu serta ikan masing-masing dianggarkan bernilai lebih RM200,000 dan RM8,000, dalam pemeriksaan di dua pelabuhan berasingan, Jumaat lalu.

Di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Iskandar Puteri, Pegawai Pengusaha MAQIS melakukan pemeriksaan rutin terhadap sebuah kontena membawa masuk produk kayu sudah digergaji seberat 68,830 kilogram (kg) dari Kanada, kira-kira jam 3.50 petang.

Pengarah MAQIS Johor, Hizuan Hasin, berkata hasil pemeriksaan lanjut mendapati produk kayu dianggarkan bernilai RM210,776.54 itu dibawa masuk menggunakan permit import yang sudah tamat tempoh.

"Semua produk kayu itu ditahan untuk tindakan lanjut. Kes disiasat mengikut Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mangimport tanpa permit, lesen atau perakuan dikeluarkan bawah akta itu," katanya dalam

satu kenyataan, semalam. Jika sabit kesalahan, boleh didenda maksimum RM100,000 atau dipenjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya.


Bagi kesalahan kedua atau berikutnya pula, boleh didenda maksimum RM150,000 atau dipenjara maksimum tujuh tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu di Pelabuhan Pasir Gudang pula, MAQIS merampas kira-kira 640kg ikan dan 80kg todak dibawa masuk dari Indonesia tanpa permit import.

Hizuan berkata, ia hasil pemeriksaan rutin oleh Pegawai Pengusaha MAQIS ke atas sebuah tongkang membawa pelbagai jenis ikan basah di Dermaga 7 pelabuhan itu, kira-kira jam 3.50 petang.

"Hasil pemeriksaan lanjut menemui kira-kira 640kg ikan dan 80 kg todak (90kg) dianggarkan bernilai RM8,520 yang dibawa masuk tanpa permit import."

"Semua konsalman itu ditahan untuk siasatan mengikut Seksyen 11 (1) Akta 728 kerana mangimport tanpa permit, lesen atau perakuan dikeluarkan bawah akta berkenaan," katanya.



Produk kayu (gambar atas) dan ikan tanpa permit import dirampas di Pelabuhan Pasir Gudang, Kelantan. (Foto Ihsan MAQIS)

Maqis rampas 68 tan kayu gergaji

Guna permit import sudah tamat tempoh

Oleh NORAZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 68 tan produk kayu sudah digergaji di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di sini pada Jumaat kerana menggunakan permit tamat tempoh.

Pengarah Maqis Johor, Hizuan Hasim berkata, hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan pegawai penguasa di PTP kira-kira jam 3.50 petang, menemukan produk kayu dari Kanada itu dalam sebuah kontena.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati produk kayu dianggarkan bernilai RM210,776 itu dibawa masuk menggunakan permit import sudah tamat tempoh."

"Kesemua produk kayu tersebut ditahan untuk tindakan lanjut. Kes disiasat di bawah Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] kerana mengimport



Produk kayu sudah digergaji dirampas Maqis kerana menggunakan permit tamat tempoh di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor Bahru pada Jumaat.

tanpa permit, lesen atau perakuan maksimum enam tahun atau kes-nya yang dikeluarkan di bawah akta dua-duanya sementara bagi kes-berkenaan," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Hizzuan berkata, jika disabitkan kesalahan, boleh didenda maksimum RM150,000 atau dipenjarakan maksimum tujuh tahun atau kedua-duanya.

Agrobank SMEs restrategise their businesses

KUALA LUMPUR: Small and medium-sized enterprises (SMEs) supported by development financial institution Agrobank continue to be proactive and have restrategised their businesses to remain relevant.

Agrobank SMEs included Akie Group Sdn Bhd and Wezlay Enterprise, which shared their experiences in managing their business amid the movement control order (MCO) during a dialogue session held by the bank recently.

Zaharah Zainuddin, managing director of Akie Group which produces burger patties, said entrepreneurs must look for solutions to ensure the sustainability of their businesses and keep operating under any circumstances.

“For example, throughout the MCO period, the government has limited business hours to 8pm. The move has affected many small business owners so that they cannot continue to operate as usual, and this applies to us at Akie Burger as well,” she said. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31.05.2021	NEW STRAITS TIMES	ONLINE	-

AGRICULTURE, FISHERIES SECTOR TO CONTINUE OPERATING DURING LOCKDOWN



KUALA LUMPUR: Both the agriculture and fisheries sector will continue to operate during the lockdown period.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said activities related to the supply chain of the sector were also allowed to operate during the lockdown that will be implemented in three stages starting Tuesday.

"For instance, (activities related to the production and selling) of fertilizers and pesticides are needed in agriculture.

"Hence, shops selling fertilizers and pesticides are allowed to operate," he said.

The plantation and commodities sectors, he said, such as palm oil, rubber, cocoa and pepper are also allowed to operate during the lockdown period.

"This included activities related to ensuring supply chain of both sectors such as transportation used to transport the (palm oil) fruits to factories and others," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31.05.2021	SINAR HARIAN	NEGERI P.PINANG, JOHOR, KELANTAN	12

Beras Siam antara barangan paling laris

KOTA BHARU - Beras Siam yang menjadi makanan ruji majoriti penduduk Kelantan antara barang mentah paling laris dibeli orang ramai ketika pembelian panik sebaik pengumuman *total lockdown* oleh kerajaan pada Jumaat.

Tinjauan di Pasar Besar Siti Khadijah di sini

pada Ahad mendapati, bahagian menjual beras meriah dengan bekalan yang baru tiba dihantar oleh pembekal dan pelanggan datang untuk membeli beras sebagai bekalan.

Seorang peniaga, Mohd Faizal Awang, 27, berkata, permintaan pelanggan terhadap beras

Siam meningkat sehingga 80 peratus daripada kebiasaan.

“Kebanyakan pelanggan yang datang ke pasar ini biasanya akan membeli sekampit beras Siam dan semalam ramai yang membeli lebih daripada sekampit.

“Sekampit beras Siam seberat 24 kilogram (kg) dijual pada harga RM95 manakala beras 20 kg berharga RM85,” katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohd Zainudin Awang, 43, memberitahu, bekalan beras sememangnya mencukupi dan tidak putus dihantar oleh pembekal ke pasar itu.

“Saya berniaga beras secara kecil-kecilan dengan purata jualan kurang 10 kampak sehari.

“Selepas pengumuman *total lockdown*, jumlah jualan meningkat kepada lebih 10 kampak sehari,” ujarnya.



Suasana meriah di bahagian menjual beras di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu dengan bekalan beras Siam yang banyak baru sampal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31.05.2021	UTUSAN MALAYSIA	KOMUNITI KITA	33



Nelayan terjejas ribut ombak dibantu

PRIHATIN dengan nasib nelayan yang ditimpa bencana ribut dan ombak besar baru-baru ini, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) yang juga Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya turun padang membantu golongan berkenaan.

Pertemuan dengan golongan itu diadakan di jeti Pengkalan Nelayan, Bagan Ajam, Butterworth baru-baru ini dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Dalam pertemuan itu, beliau yang juga Pengerusi Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang (MPBPP) mendengar permasalahan serta isu yang dihadapi kumpulan nelayan berkenaan

khususnya sepanjang musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) susulan pandemik Covid-19.

Selain menyampaikan sumbangan wang tunai untuk meringankan beban mereka, Shabudin turut menyatakan kesediaan membantu memperbaiki sampan-sampan milik para nelayan tersebut yang rosak akibat kejadian berkenaan.

■ **MESKIPUN** kaki masih sakit, Shabudin Yahaya (duduk) sempat meluangkan masa menyerahkan bantuan kepada beberapa nelayan yang terjejas akibat ribut ombak di jeti Pengkalan Nelayan, Bagan Ajam, Butterworth baru-baru ini. - UTUSAN/ ISWAN SHAFIQ ISA

Shabudin dengar masalah, isu berbangkit nelayan

PRIHATIN. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) merangkap Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya meluangkan masa untuk bertemu dengan beberapa nelayan yang menjadi mangsa ribut dan ombak besar di Bagan Ajam, Butterworth baru-baru ini.

Pertemuan yang berlangsung di jeti Pengkalan Nelayan, Bagan Ajam, Butterworth itu dibuat secara santai, namun masih mematuhi prosedur operasi

standard yang ditetapkan.

Dalam pertemuan tersebut, beliau yang juga Pengerusi Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang sempat mendengar permasalahan serta isu berbangkit yang dihadapi oleh kumpulan nelayan berkenaan.

Selain memberikan sumbangan wang tunai untuk meringankan beban mereka, Shabudin turut berjanji untuk membantu memperbaiki sampan-sampan milik para nelayan tersebut yang rosak akibat kejadian itu.



SHABUDIN (kiri) menyerahkan bantuan kepada nelayan yang terjejas akibat ribut di Bagan Ajam, Butterworth baru-baru ini

PKP: Terengganu mohon kelonggaran kepada pesawah

KUALA TERENGGANU

- Kerajaan Terengganu akan memohon kebenaran supaya penanam padi di negeri ini diberi kelonggaran turun ke sawah sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh dikuatkuasakan bermula 1 Jun ini.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, permohonan itu akan diserahkan kepada Jawatankuasa Khas Negeri dalam masa terdekat untuk penilaian Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Menurutnya, kelonggaran itu penting supaya padi dapat ditanam seperti biasa mengikut jadual ditetapkan dan pengeluaran beras tidak terjejas.



DR AZMAN

“Jadual tanaman padi sepatutnya bermula 5 Jun tetapi kerajaan mengumumkan PKP penuh pada 1 Jun. Jika jadual bermula 5 Jun, kita jangka masa tuaian padi ialah hujung bulan Oktober dan sudah hampir tibanya musim banjir.

“Jadi kita harap petani dibenarkan turun ke sawah dalam tempoh PKP penuh supaya padi dapat dituai sebelum banjir,” katanya dalam sidang media secara dalam talian pada Ahad.

Menurut Dr Azman, terdapat kira-kira 6,000 penanam padi di seluruh Terengganu dengan sebahagian besar kawasan jelapang padi bertumpu di daerah Besut dan Setiu melibatkan keluasan tanaman 4,876 hektar.

Beliau berkata, selain penanam padi pihaknya juga akan memohon kelonggaran sama kepada sektor pertanian lain seperti nelayan dan petani bagi menjamin kelangsungan bekalan makanan.

“Dari segi pemasaran hasil pertanian seperti buah tembikai pula, kita jamin tiada lambakan besar-besaran sebagaimana PKP pertama tahun lepas. Kebanyakan tembikai sudah dituai dan dianggarkan ada kira-kira 10,000 hektar lagi.

“Jika ada berlaku lambakan pun, ia tidak banyak dan kita akan tempatkan di pasaran sedia ada seperti pasar tani kekal,” katanya.

Terdapat kira-kira 6,000 penanam padi di seluruh Terengganu dengan sebahagian besar kawasan jelapang padi bertumpu di daerah Besut dan Setiu melibatkan keluasan tanaman 4,876 hektar.”

31.05.2021

SINAR HARIAN NEGERI PERAK, KEDAH

21

Barangan basah jadi pilihan utama

Makanan tin turut dapat permintaan tinggi pengguna

Oleh STAJARATULHUDA
MOHD ROSLI

GEORGETOWN

Ayam segar, ikan, sayur dan makanan dalam tin antara barangan basah yang mendapat permintaan tinggi daripada pembeli dalam persekitaran menghadapi penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial atau *total lockdown* pada 1 Jun ini.

Pengurus Stor Pasaraya AEON Queensbay, Ruzaidi Zaman Jusoh berkata, selain barangan tersebut, telur, minyak masak, bijirin, mi segera dan beras juga laris bak pisang goreng.

Beliau bagaimanapun memberitahu, orang ramai tidak terlalu bimbang kerana kesemua barangan keperluan ini mencukupi berikutan pihaknya sudah bersedia sekiranya berlaku pem-

belian panik selepas pengumuman kerajaan Jumaat lalu.

"Permintaan terhadap barangan keperluan memang meningkat. Antara paling tinggi adalah ayam, ikan, ikan kering, ikan bilis, makanan dalam tin, telur dan mi segera.

"Walaupun permintaan tinggi, bekalan cukup kerana kami telah membuat penambahan bekalan untuk menghadapi pembelian panik.

"Setakat ini, bekalan mencukupi dengan bekalan barangan segar akan masuk setiap hari untuk menampung pembelian pembeli," katanya ketika dihubungi pada Ahad.

Peniaga ikan di Pasar Batu Lanchang, Lim Kwan Seng ketika ditemui memberitahu, ikan dan udang antara makanan laut paling mendapat sambutan daripada pembeli.

Setakat ini, bekalan makanan laut seperti ikan, udang, sotong dan lain-lain mencukupi. Sayur yang boleh disimpan lama seperti kobis, terung, timun, petola, peria, lobak dan kentang antara sayuran yang mendapat permintaan tinggi.

"Sejak kerajaan umum (*lockdown*), pelanggan memang ramai. Kebanyakan mereka



Ikan, udang dan sotong antara barang basah yang mendapat permintaan tinggi pengguna untuk menghadapi *lockdown*.

membeli sayur yang boleh disimpan dalam tempoh panjang.

"Dari segi bekalan, setakat ini pembekal memberitahu mencukupi. Setiap hari kami menambah bekalan bagi memastikan semua pelanggan dapat membeli keperluan mereka," ujar penjual sayur yang dikenali sebagai Tan.

Sementara itu, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menghentakkan segera pembelian panik terutama bekalan makanan.

Pegawai Pendidikan CAP, NV Subbarow menjelaskan, kerajaan telah memberi jaminan bahawa bekalan makanan mencukupi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Kata beliau, pengguna tidak perlu menyimpan stok barangan makanan di rumah masing-masing secara berlebihan. CAP bimbang sekiranya pengguna terus membeli barangan dengan jumlah yang banyak tanpa kawalan, harga barangan akan meningkat seca-

ra mendadak.

"Kita berharap pengguna berhenti membuat pembelian panik kerana sikap ini boleh menyumbang terpuusnya bekalan makanan.

"Pengguna harus bertanggungjawab sepenuhnya atas sikap mereka, kerana apabila permintaan untuk barangan keperluan meningkat, harganya akan melambung," katanya.

Beliau turut memasihatkan pengguna supaya pergi ke pasar sekali seminggu bagi mencegah jangkitan Covid-19.